



NOTIS PEMBERITAHUAN
ARAHAN PEMATUHAN TEMPOH WAKTU OPERASI AKTIVITI PERNIAGAAN

.....
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
MENARA BANDARAYA, JALAN PERDA UTAMA
BANDAR PERDA
14000 BUKIT MERTAJAM
.....

KEPADА : SEMUA PEMILIK PREMIS PERNIAGAAN DALAM KAWASAN
PENTADBIRAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
TARIKH : 24 MAC 2020

SILA AMBIL PERHATIAN,

Adalah dimaklumkan bahawa selaras dengan arahan Perintah Kawalan Pergerakan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia bermula 18 hingga 31 Mac 2020, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada 24 Mac 2020 telah menetapkan tempoh masa operasi perniagaan seluruh Pulau Pinang dihadkan kepada jam **6.00 PAGI HINGGA 8.00 MALAM sahaja dan arahan ini akan berkuatkuasa mulai 25 MAC 2020.** Arahan ini adalah selaras dengan Akta 342, Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Akta Polis 1967, Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Kerajaan Tempatan) 2020 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Premis perniagaan yang tertakluk kepada arahan pematuhan ini adalah seperti berikut :

**PASARAYA, RESTORAN, KEDAI MAKAN, CAFE, RESTORAN MAKANAN SEGERA,
STESEN MINYAK, KEDAI SERBANEKA, KEDAI RUNCIT, FARMASI**

Arahan pematuhan ini **TIDAK TERPAKAI** kepada **KLINIK, HOSPITAL DAN STESEN MINYAK DI LEBUH RAYA.** Bagi aktiviti **BENGKEL KENDERAAN**, tempoh masa operasi masih dikekalkan mulai jam **9.00 PAGI HINGGA 2.00 PETANG.**

Pemilik perniagaan diminta untuk mematuhi arahan ini **BERMULA 25 MAC 2020.** Kegagalan pihak tuan mematuhi arahan pematuhan ini akan menyebabkan tindakan penguatkuasaan selanjutnya boleh diambil terhadap pihak tuan / puan.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Dengan Perintah,
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

s.k Pengarah Pelesenan
 Pengarah Direktorat Penguatkuasaan
 (Sila jalankan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan)



ARAHAN PEMATUHAN



**KEPADА SEMUA PEMILIK PERNIAGAAN, PEKERJA,
PENGUNJUNG, PEMBELI DAN PEMBEKAL**

**PASARAYA, RESTORAN, KEDAI MAKAN, CAFÉ, RESTORAN MAKANAN
SEGERA, STESEN MINYAK, KEDAI SERBANEKA, KEDAI RUNCIT, FARMASI**

DI KAWASAN SЕBERANG PERAI

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG DENGAN INI MENETAPKAN TEMPOH
OPERASI PERNIAGAAN BAGI PERNIAGAAN DI ATAS DIHADKAN KEPADA

06.00 PAGI HINGGA 08.00 MALAM SAHAJA

BERMULA

25 MAC 2020 (RABU)

TINDAKAN PENGUATKUASAAN DI BAWAH AKTA 342, AKTA PENCEGAHAN DAN
PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988, AKTA POLIS 1967, PERATURAN-
PERATURAN PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT (LANGKAH-
LANGKAH DI DALAM KAWASAN KERAJAAN TEMPATAN) 2020 DAN AKTA
KERAJAAN TEMPATAN 1976 AKAN DIAMBIL JIKA GAGAL MEMATUHI ARAHAN INI.

**ARAHAN PEMATUHAN TIDAK TERPAKAI KEPADA KLINIK, HOSPITAL
DAN STESEN MINYAK DI LEBUH RAYA**

**BAGI AKTIVITI BENGKEL KENDERAAN, TEMPOH MASA OPERASI MASIH
DIKEKALKAN MULAI JAM 9.00 PAGI HINGGA 2.00 PETANG**

**BAGI PERNIAGAAN YANG MEMERLUKAN NOTIS ARAHAN PENUTUPAN INI,
SILA DAPATKAN DI LAMAN SESAWANG MBSP**

www.mbsp.gov.my

DENGAN PERINTAH.

**DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SЕBERANG PERAI**